

**PROMOSI HLB DIGITAL BANK PLUS MUCH MORE: REBUT PELUANG MEMENANGI KERETA, TELEFON PINTAR, BAUCAR MELANCONG & PULANGAN TUNAI ([English Version](#))**  
Kemas Kini Terakhir 5 Julai 2024

### **TEMPOH PROMOSI**

“Promosi HLB Digital Bank Plus Much More” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 8 Julai 2024 dan berakhir pada 7 September 2024 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“T&S”):

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu Bank warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia (“HLB Connect”) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dengan Bank dan/atau Kad Kredit HLB (“Kad Kredit”) dengan HLB (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan”).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
  - (a) pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (b) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (“Terma dan Syarat yang Terpakai”) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

### **TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG**

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
  - (a) **mendaftar untuk HLB Connect, melaksanakan Transaksi yang Layak (seperti tersenarai pada Jadual 1 di bawah) dan memperoleh Mata Transaksi** seperti tersenarai pada Jadual 1 di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang baharu); ATAU
  - (b) **log masuk HLB Connect, melaksanakan Transaksi yang Layak (seperti tersenarai pada Jadual 1 di bawah) dan memperoleh Mata Transaksi** seperti tersenarai pada Jadual 1 di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3(a) atau Klausula 3(b) di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3(a) atau Klausula 3(b) di atas akan memperoleh mata (“Mata Transaksi”) semasa Tempoh Promosi (seperti dalam Jadual 1 di bawah) dan berpeluang memenangi sebuah kereta, telefon pintar, baucar melancong atau Pulangan Tunai (“Hadiah”).

### **Jadual 1: Peruntukan Mata Transaksi**

Transaksi yang Layak	Mata Transaksi selepas Transaksi yang Layak yang berjaya	Mata Transaksi Maksimum harian	Mata Transaksi Maksimum yang boleh diperolehi semasa Tempoh Promosi
<b>Pembayaran/Pindahan</b>			
<b>Melaksanakan Pindahan Luar Negara</b> (min. RM1,000 setiap pindahan) melalui HLB Connect Online	15	60	3,720 (Dihadkan pada 1,860 setiap bulan)
<b>Membuat pembayaran dengan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets</b> (min. RM10 setiap pembayaran) <b>menggunakan CASA/CASA-i atau Kad Kredit</b> melalui HLB Connect Online	10	50	3,100 (Dihadkan pada 1,550 setiap bulan)
<b>Membuat Pembayaran Bil</b> (min. RM20 setiap pembayaran) <b>menggunakan CASA/CASA-i atau Kad Kredit</b> melalui HLB Connect	10	50	3,100 (Dihadkan pada 1,550 setiap bulan)
<b>Membuat QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing</b> (min. RM50 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	10	50	3,100 (Dihadkan pada 1,550 setiap bulan)
<b>Membuat Pembayaran DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	5	30	1,860 (Dihadkan pada 930 setiap bulan)
<b>Membuat Tambah Nilai Prabayar</b> (min. RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect	5	30	1,860 (Dihadkan pada 930 setiap bulan)
<b>Membuat Pembayaran DuitNow QR ("P2P QR") kepada keluarga dan rakan-rakan</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	1	10	620 (Dihadkan pada 310 setiap bulan)
<b>Membuat Pindahan DuitNow</b> (minimum RM10 setiap pindahan) <b>ke Nombor Mudah Alih/Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan</b> melalui HLB Connect	1	10	620 (Dihadkan pada 310 setiap bulan)
<b>Penyertaan Produk</b>			
<b>Memohon Kad Kredit HLB</b> (pemohon kad yang baharu sahaja) melalui HLB Connect Online  <i>*Selepas penyerahan permohonan yang berjaya.</i>	40*	40	40
<b>Memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi</b> melalui HLB Connect Online  <i>*Selepas penyerahan permohonan yang berjaya.</i>	40*	40	40
<b>Membuka mana-mana akaun berikut</b> melalui Apply@HLB App:	40**	40	40

<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun HLB Pay&amp;Save/-i</li> <li>Akaun HLB Wallet/-i</li> <li>Akaun HLB Pay&amp;Save/-i untuk Pemilik Tunggal</li> <li>Akaun Semasa HLB/-i</li> </ul> <p><i>**Apabila akaun berjaya dibuka.</i></p>			
<b>Memohon Quick Cash/Pindahan Baki/Pelan Pembayaran Flexi</b> melalui HLB Connect	30	90	900 (Dihadkan pada 450 setiap bulan)
<b>Meletakkan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i</b> melalui HLB Connect	20	40	80 (Dihadkan pada 40 setiap bulan)
<b>Melanggan dana baharu dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i</b> melalui HLB Connect Online  <i>Akaun Pelaburan Berjangka-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i.</i>	20	40	2,480 (Dihadkan pada 1,240 setiap bulan)
<b>Melanggan unit baharu atau tambah nilai unit sedia ada bagi dana amanah dengan HLB Wealth</b> (min. RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online.  <i>Pelaburan dalam Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Skim Unit Amanah/Unit Amanah Islam.</i>	20	40	2,480 (Dihadkan pada 1,240 setiap bulan)
<b>Membuka dana ASNB baharu atau menambah nilai dana ASNB sedia ada</b> (min. RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online.  <i>Akaun ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB.</i>	20	40	2,480 (Dihadkan pada 1,240 setiap bulan)
<b>Menukar MYR kepada mata wang asing</b> (min. RM200 setiap penukaran) menggunakan <b>Ciri Pelbagai Mata Wang</b> dengan Akaun HLB Pay&Save/-i atau Akaun HLB Wallet/-i melalui HLB Connect.	10	50	3,100 (Dihadkan pada 1,550 setiap bulan)

#### **HALAMAN PENJEJAK MATA**

- Pelanggan yang Layak yang berjaya melakukan mana-mana Transaksi Layak yang disenaraikan dalam Jadual 1 di atas dalam Tempoh Promosi boleh melihat Mata Transaksi mereka pada Halaman Penjejak Mata. Halaman Penjejak Mata boleh diakses dengan log masuk ke HLB

Connect Online atau HLB Connect App dan mengklik pada sepanduk Penjejak Mata dalam HLB Connect App dan butang Penjejak Mata dalam HLB Connect Online.

6. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (contohnya tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak layak mendapat sebarang Mata Transaksi.
7. Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Mata Transaksi akan ditambah pada hari Transaksi yang Layak yang dilakukan setelah Transaksi yang Layak telah berjaya dilaksanakan.
8. Untuk Transaksi yang Layak di mana transaksi tidak terdapat pada Penjejak Mata (contohnya membuka Akaun HLB Wallet melalui Apply@HLB), Mata Transaksi anda akan ditambahkan secara manual oleh Bank kepada jumlah Mata Transaksi anda pada akhir Promosi semasa proses pemilihan pemenang oleh Bank.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Mata Transaksi, Mata Transaksi yang dikira oleh Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

#### **PEMILIHAN PEMENANG - CABUTAN HADIAH**

10. Pelanggan yang Layak berhak mendapat satu penyertaan ("**Penyertaan**") untuk disenarai pendekkan untuk cabutan hadiah ("**Cabutan Hadiah**") berdasarkan Mata Transaksi terkumpul dan berpeluang untuk dipilih sebagai pemenang Hadiah ("**Pemenang Hadiah**").

**Jadual 2: Cabutan Hadiah**

<b>Hadiah</b>	<b>Bilangan Mata Transaksi diperlukan untuk satu (1) Penyertaan dalam Cabutan Hadiah</b>	<b>Bilangan Pemenang untuk cabutan</b>
<b><u>Hadiah Utama – Kereta:</u></b> BMW iX2	1,000	1
<b><u>Hadiah Kedua – Telefon Pintar:</u></b> iPhone 15 Pro Max	500	5
<b><u>Hadiah Ketiga – Baucer Melancong:</u></b> Baucar Melancong daripada AirAsia bernilai RM3,000	300	10
<b><u>Hadiah Sagu Hati – Pulangan Tunai:</u></b> Pulangan Tunai RM70	100	2,500

11. Lebih banyak Mata Transaksi terkumpul oleh Pelanggan yang Layak (mengikut Jadual 1 di atas), lebih banyak Penyertaan Pelanggan yang Layak akan perolehi dan lebih tinggi peluang Pelanggan yang Layak untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah (mengikut Jadual 2 di atas).

Sila lihat Senario 1 di bawah untuk ilustrasi:

#### **Senario 1**

- Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak berikut semasa Tempoh Promosi.
- Bilangan Mata Transaksi dan Penyertaan yang diperolehi semasa Tempoh Promosi.

Transaksi yang Layak dicapai	Bilangan Mata Transaksi diperoleh
Membuka Akaun HLB Wallet/-i	40
Memohon Kad Kredit	40
Menukar MYR kepada mata wang asing sebanyak 6 kali yang berasingan	60
Membuat 2 pindahan melalui Pindahan Luar Negara	30
Membuat pembayaran bil sebanyak 5 kali yang berasingan	50
Melanggan unit amanah Bank sebanyak 2 kali yang berasingan	40
Membuat pembayaran dengan FPX sebanyak 10 kali yang berasingan	100
Membayar peniaga dengan QR Pay sebanyak 50 kali yang berasingan	250
<b>Jumlah Mata Transaksi diperoleh</b>	<b>610</b>

Memandangkan Pelanggan yang Layak telah memperoleh jumlah Mata Transaksi sebanyak 610, Pelanggan Layak berhak mendapat bilangan cabutan seperti berikut:

Hadiah	Bilangan Mata Transaksi diperlukan untuk satu (1) Penyertaan dalam Cabutan Hadiah	Bilangan Cabutan yang layak untuk Pelanggan yang Layak
<b>Hadiah Utama – Kereta:</b> BMW iX2	1,000	0
<b>Hadiah Kedua – Telefon Pintar:</b> iPhone 15 Pro Max	500	1
<b>Hadiah Ketiga – Baucer Melancong:</b> Baucar Melancong daripada AirAsia bernilai RM3,000	300	2
<b>Hadiah Sagu Hati – Pulangan Tunai:</b> Pulangan Tunai RM70	100	6

Secara ringkas, Pelanggan yang Layak berhak mendapat satu (1) kali cabutan untuk telefon pintar, dua (2) kali cabutan untuk baucar melancong dan enam (6) kali cabutan untuk Pulangan Tunai mengikut Senario 1 di atas.

12. Proses Cabutan Hadiah adalah seperti berikut:

- (i) Seorang (1) Pelanggan yang Layak akan diundi untuk **Hadiah Utama** (“**Pemenang Hadiah Utama**”) dan akan **dihubungi oleh Bank untuk menjawab satu soalan** sebelum dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Setelah Pelanggan yang Layak telah dikenal pasti, dia akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah berikutnya.
- (ii) Lima (5) orang Pelanggan yang Layak akan diundi untuk **Hadiah Kedua** (“**Pemenang Hadiah Kedua**”) dan akan **dihubungi oleh Bank untuk menjawab satu soalan** sebelum dipilih sebagai Pemenang Hadiah Kedua. Setelah Pelanggan yang Layak telah dikenal pasti, mereka akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah berikutnya.
- (iii) Sepuluh (10) orang Pelanggan yang Layak akan diundi untuk **Hadiah Ketiga** (“**Pemenang Hadiah Ketiga**”) dan akan **dihubungi oleh Bank untuk menjawab satu soalan** sebelum dipilih sebagai Pemenang Hadiah Ketiga. Setelah Pelanggan yang Layak telah dikenal pasti, mereka akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah berikutnya.

- (iv) Dua Ribu Lima Ratus (2,500) orang Pelanggan yang Layak akan diundi untuk **Hadiah Sagu Hati** (“**Pemenang Hadiah Sagu Hati**”) dan akan dihubungi oleh Bank untuk menjawab satu soalan sebelum dipilih sebagai Pemenang Hadiah Sagu Hati.

Untuk mengelakkan keraguan, tiada Hadiah akan diberikan jika Pelanggan yang Layak gagal memberi respons dan/atau menjawab soalan dengan betul.

13. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja HLB/HLISB (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya) **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah Utama.
14. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi.

### **PENGUMUMAN PEMENANG**

15. Senarai Pemenang Hadiah akan disiarkan di [www.hlb.com.my/hlbconnect2024](http://www.hlb.com.my/hlbconnect2024) (“**Laman Web Promosi**”). Para Pemenang Hadiah akan dihubungi oleh Bank mengikut tarikh yang ditentukan dalam Jadual 3 di bawah.

Pemenang Hadiah bertanggungjawab untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi, menyambut panggilan dari Bank apabila dihubungi, atau membalas pemberitahuan semerta HLB Connect App atau e-mel dari Bank.

**Jadual 3: Pengumuman Pemenang & Dihubungi oleh Bank**

<b>Hadiah</b>	<b>Pengumuman pemenang &amp; dihubungi oleh Bank</b>
<b><u>Hadiah Utama – Kereta</u></b> <b><u>(“Pemenang Hadiah Utama”):</u></b> BMW iX2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nama pemenang akan diumumkan pada <b>2 Disember 2024</b>.</li> <li>Pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui panggilan telefon atau pemberitahuan semerta HLB Connect App mulai <b>2 Disember 2024</b>.</li> </ul>
<b><u>Hadiah Kedua – Telefon Pintar</u></b> <b><u>(“Pemenang Hadiah Kedua”):</u></b> iPhone 15 Pro Max	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nama para pemenang akan diumumkan pada <b>10 Disember 2024</b>.</li> <li>Para pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui panggilan telefon atau pemberitahuan semerta HLB Connect App mulai <b>10 Disember 2024</b>.</li> </ul>
<b><u>Hadiah Ketiga – Bucer Melancong</u></b> <b><u>(“Pemenang Hadiah Ketiga”):</u></b> Baucar Melancong daripada AirAsia bernilai RM3,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nama para pemenang akan diumumkan pada <b>18 Disember 2024</b>.</li> <li>Para pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui panggilan telefon atau pemberitahuan semerta HLB Connect App mulai <b>18 Disember 2024</b>.</li> </ul>
<b><u>Hadiah Sagu Hati – Pulangan Tunai</u></b> <b><u>(“Pemenang Hadiah Sagu Hati”):</u></b> Pulangan Tunai RM70	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nama para pemenang akan diumumkan pada <b>27 Disember 2024</b>.</li> <li>Para pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui e-mel dan/atau pemberitahuan semerta HLB Connect App mulai <b>27 Disember 2024</b>.</li> </ul>

16. Bagi **Pemenang Hadiah Utama, Pemenang Hadiah Kedua dan Pemenang Hadiah Ketiga** yang disenarai pendek, Bank akan membuat **maksimum sebanyak tiga (3) percubaan panggilan semasa waktu bekerja mulai 9:00 a.m. – 6:00 p.m. dalam masa dua (2) hari bekerja** untuk menghubungi para Pemenang yang disenarai pendek berdasarkan nombor mudah alih terkini yang dirakamkan dalam sistem Bank. Selepas itu, Bank akan membuat **percubaan terakhir dengan menghantar pemberitahuan semerta HLB Connect App kepada pemenang yang disenarai pendek.**

Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah Utama, Pemenang Hadiah Kedua dan Pemenang Hadiah Ketiga yang disenarai pendek (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada pemberitahuan semerta, nombor tidak digunakan dan tiada sambungan selepas tiga (3) percubaan panggilan, dan sebagainya), pemenang yang disenarai pendekkan akan dibatalkan secara automatik dan Bank berhak untuk terus menghubungi pemenang yang disenarai pendekkan seterusnya.

17. Bagi **Pemenang Hadiah Sagu Hati**, Bank akan cuba menghubungi anda melalui pemberitahuan semerta HLB Connect App dan/atau e-mel berdasarkan alamat e-mel yang dirakamkan dalam sistem Bank, dalam tarikh yang ditetapkan pada Jadual 3 di atas.

Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah Sagu Hati yang disenarai pendek sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Jadual 3 di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada pemberitahuan semerta, storan peti masuk yang tidak mencukupi untuk menerima e-mel, dan sebagainya), pemenang yang disenarai pendekkan akan dibatalkan secara automatik dan Pulangan Tunai akan dibatalkan.

### **PEMENUHAN PEMENANG**

18. Terma dan syarat **Hadiah Utama** adalah seperti berikut:
- (i) Pemenang Hadiah Utama akan menerima surat yang dikeluarkan oleh Bank **pada 20 Disember 2024** dengan butiran majlis penyampaian Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Utama perlu hadir pada majlis penyampaian Hadiah Utama dengan membawa kad pengenalan (Kad Pengenalan/Pasport) dan surat yang dikeluarkan oleh Bank. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan mencalonkan wakil untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah Utama dan mengambil Hadiah Utama bagi pihaknya, jika gagal Hadiah Utama akan dibatalkan. Semua kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan yang ditanggung untuk menebus Hadiah Utama adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah Utama;
  - (ii) Spesifikasi kereta standard sahaja. Ia tidak termasuk aksesori pilihan;
  - (iii) Spesifikasi sebenar kereta, model, tahun pembuatan dan/atau warna mungkin berbeza daripada visual yang diiklankan. Gambar yang ditunjukkan hanyalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata;
  - (iv) Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah Utama dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Utama;
  - (v) Tidak termasuk caj dan perbelanjaan berikut yang akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama, iaitu, caj nombor plat, cukai jalan, insurans, yuran pendaftaran, yuran pengendalian, yuran pemprosesan, yuran penimbangan, yuran pemeriksaan, caj penghantaran, caj bahan api, perbelanjaan peribadi dan kos sampingan lain berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama;
  - (vi) Pemenang Hadiah Utama **MESTI** menuntut, mendaftar dan membayar semua caj/yuran yang dinyatakan di sini dengan **Sime Darby Auto Bavaria Sdn. Bhd. (198001005411 (59195-T)) ("Sime Darby Auto Bavaria")** sebelum mengambil Hadiah Utama, jika tidak Hadiah Utama akan dibatalkan. Pemenang Hadiah Utama mempunyai kewajiban untuk berhubung secara terus dengan **Sime Darby Auto Bavaria Sdn. Bhd.** untuk menyelesaikan semua caj yang diperlukan seperti yang dinyatakan pada terma dan syarat ini;
  - (vii) Sekiranya Hadiah Utama ditebus untuk apa-apa sebab sekalipun pada harga runcit yang lebih rendah daripada harga runcit Hadiah Utama, perbezaan harga runcit tidak boleh ditukar atau boleh diperoleh semula dengan wang tunai, kredit, cek atau barangan oleh Pemenang Hadiah Utama;
  - (viii) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Hadiah Utama yang tidak dituntut **selepas 31 Januari 2025** dan sebarang tuntutan untuk Hadiah Utama **selepas 31 Januari 2025** tidak akan dilayan; dan
  - (ix) Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan/masalah/kegagalan/isu yang berkaitan dengan Hadiah Utama (sama ada besar

atau kecil) sebelum atau selepas penebusan Hadiah Utama oleh Pemenang Hadiah Utama, dan sebarang permintaan untuk menggantikan Hadiah Utama tidak akan dilayan oleh Bank. Sebarang isu yang berkaitan dengan Hadiah Utama (termasuk pemindahan pemilikan Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama) hendaklah diselesaikan antara Pemenang Hadiah Utama dan Sime Darby Auto Bavaria Sdn. Bhd. dan/atau badan/pihak berkuasa yang berkaitan tanpa bantuan dari Bank.

19. Terma dan syarat **Hadiah Kedua** adalah seperti berikut:
  - (i) Para Pemenang Hadiah Kedua akan dihubungi oleh syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk urusan penghantaran atau pengambilan Hadiah Kedua (contohnya kutipan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa di alamat anda) **antara 14 – 28 Februari 2025**, jika gagal, Hadiah Kedua akan dibatalkan.
  - (ii) Para Pemenang Hadiah Kedua mempunyai kewajiban untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah Kedua untuk pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah Kedua atas apa jua sebab sekalipun.
20. Terma dan syarat **Hadiah Ketiga** adalah seperti berikut:
  - (i) Pemenang Hadiah Ketiga akan menerima kod baucar melancong mereka melalui SMS atau pemberitahuan semerta HLB Connect App (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) **pada 14 Februari 2025**. Hadiah Ketiga adalah tertakluk kepada terma dan syaratnya sendiri yang dikeluarkan oleh **AirAsia Com Travel Sdn Bhd (201301020508 (1050338-A))**, yang tersedia di <https://www.airasia.com/aa/about-us/en/gb/airasia-gifts-terms-and-conditions.html> ("**Laman Web AirAsia**"). Para Pemenang Hadiah Ketiga dikehendaki mengakses Laman Web AirAsia untuk melihat terma dan syarat tersebut.
  - (ii) Bank tidak mempunyai kewajiban untuk memberitahu Pemenang Hadiah Ketiga tentang pemenuhan/penghantaran kod baucar melancong. Pemenang Hadiah Ketiga dikehendaki menyemak SMS atau mengakses HLB Connect App mereka pada selang masa yang tetap untuk menyemak status pemenuhan/penghantaran kod baucar melancong.
  - (iii) Para Pemenang Hadiah Ketiga mempunyai kewajiban untuk menghubungi Bank **sebelum 28 Februari 2025** jika Hadiah Ketiga tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Hadiah Ketiga dianggap telah menerima Hadiah Ketiga dan sebarang tuntutan pembayaran balik **selepas 28 Februari 2025** tidak akan diproses.
21. Terma dan syarat **Hadiah Sagu Hati** adalah seperti berikut:
  - (i) Hadiah Sagu Hati akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Sagu Hati dengan Bank **pada 14 Februari 2025**. Para Pemenang Hadiah Sagu Hati yang tidak memiliki CASA/CASA-i dikehendaki membuka CASA/CASA-i **sebelum 31 Januari 2025**. Oleh yang demikian, Pemenang Hadiah Sagu Hati perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif **sehingga 14 Februari 2025**. Sekiranya mereka gagal, Hadiah Sagu Hati akan dibatalkan.
  - (ii) Menjadi kewajiban semua Pemenang Hadiah Sagu Hati untuk menghubungi Bank **sebelum 28 Februari 2025** jika Hadiah Sagu Hati tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Hadiah Sagu Hati dianggap telah menerima Hadiah Sagu Hati dan sebarang tuntutan pembayaran balik **selepas 28 Februari 2025** tidak akan diproses.
22. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna yang lain, wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
23. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Para Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/vendor bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau



kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah.

24. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
25. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah (iaitu Hadiah Utama, Hadiah Kedua atau Hadiah Ketiga) dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
26. Semua Hadiah disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

### **AM**

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai.
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
  - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada vendor pihak ke-3 yang dibenarkan termasuk pembekal yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, syarikat kurier yang dilantik oleh pembekal atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
  - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel dan/atau pemenuhan/penghantaran tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
  - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang Hadiah dan foto serta video Pemenang Hadiah Utama bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
  - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
  - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkenaan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya:

- (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
- (b) e-mel terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan.

(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**")

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

28. Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
- (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
- (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

29. Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

30. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

31. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

32. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. Produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

**Produk CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan Salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.